

BAB V

Rumusan, Implikasi dan Cadangan

5.0 Pendahuluan

Bahagian ini akan merumuskan dapatan kajian yang telah dibincangkan dalam Bab 4. Rumusan dibuat berdasarkan soalan-soalan kajian yang telah dibina. Beberapa implikasi dan cadangan juga dimuatkan dalam bahagian ini

5.1 Rumusan dapatan kajian

Kajian ini menghasilkan beberapa rumusan penting berhubung kesan pengajaran berfokuskan tatacerita terhadap kebolehan pelajar-pelajar Tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah di pinggir kota untuk memahami teks prosa klasik. Rumusan dapatan kajian akan dibincangkan berdasarkan tiga soalan kajian iaitu:-

1. Adakah terdapat perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan pembaca kurang mahir dari segi jumlah cerita yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan?

2. Adakah terdapat perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan pembaca kurang mahir dari segi jumlah unit tatacerita yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan?
3. Adakah terdapat perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan pembaca kurang mahir dari segi jumlah episod yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan?

- (1) Adakah terdapat perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan pembaca kurang mahir dari segi jumlah kuantiti cerita yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan?

Sebagaimana yang telah dijangkakan, kumpulan pembaca mahir adalah lebih baik daripada kumpulan pembaca kurang mahir dari segi memahami teks prosa klasik. Dapatan kajian menunjukkan kumpulan pembaca mahir mengingat semula 83.64% cerita Hikayat Malim Demam berbanding dengan kumpulan pembaca kurang mahir yang memperoleh sebanyak 73.64%.

Walau bagaimanapun kumpulan pembaca mahir tidak dapat mengingat semula semua cerita yang terdapat dalam teks. Kekurangan ini disebabkan mereka tidak biasa dengan struktur bahasa klasik yang terdapat dalam teks. Di samping itu pengetahuan latar yang tidak mencukupi turut mempengaruhi dapatan kajian ini.

Seperti kumpulan pembaca mahir, kekurangan peratusan yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang mahir memang telah dijangkakan.

Ini menunjukkan kumpulan pembaca mahir kurang memahami cerita yang terdapat dalam teks prosa klasik. Dapatan ini menyokong dapatan yang dibuat oleh Smiley et al. (1977) yang mendapati bahawa kumpulan pembaca kurang mahir di kelas gred tujuh mengingat semula maklumat lebih sedikit daripada pembaca mahir. Perbezaan yang wujud ini disebabkan perbezaan pengetahuan.

(2) Adakah terdapat perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah unit tatacerita yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan?

Kajian ini menumpukan kepada enam unit tatacerita yang diadaptasikan daripada Mandler (1978a) iaitu latar, permulaan, reaksi , percubaan, akibat dan kesudahan. Pada umumnya memang terdapat perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah unit tatacerita yang diingat semula. Namun begitu ini bukan merupakan perbezaan yang ketara. Hanya sedikit perbezaan yang wujud dari segi jumlah unit tatacerita yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan kerana jalan cerita teks *Hikayat Malim Demam* yang dibaca tidak kompleks; jalan ceritanya berkembang secara kronologi.Dengan itu mudah mengenalpasti unit-unit tatacerita yang terdapat dalam teks.

Ditinjau secara terperinci, kumpulan pembaca mahir mengingat semula kesudahan tertinggi iaitu 89.09%. Diikuti dengan Percubaan (87.87%);

Permulaan (87.27%); Akibat (86.36%), dan Latar (83.64%). Peratusan terendah ialah Reaksi sebanyak 79.09%.

Satu dapatan yang dikira menarik bagi kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah unit tatacerita yang diingat semula apabila Kesudahan dan Percubaan berkongsi peratusan yang sama. Dengan memperoleh 77.27% kedua-dua unit tatacerita ini menduduki tempat teratas. Ini disusuli dengan Akibat (75.0%); Latar (73.64%); Permulaan (71.82%) dan Reaksi (65.45%).

Berdasarkan perbandingan di atas jelas menunjukkan Kesudahan paling banyak yang diingat semula bagi kedua-dua kumpulan; pembaca mahir dan pembaca kurang mahir. Demikian juga dengan Reaksi; memperlihatkan paling sedikit yang diingat semula sama ada bagi kumpulan pembaca mahir mahupun pembaca kurang mahir. Pada keseluruhannya kumpulan pembaca mahir mengatasi kumpulan pembaca kurang mahir dalam semua unit tatacerita. Ini memberi gambaran bahawa kumpulan pembaca mahir lebih memahami teks prosa klasik dari kumpulan pembaca kurang mahir.

(3) Adakah terdapat perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah episod yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan?

Pada umumnya, teks prosa klasik yang digunakan dalam kajian dapat dibahagikan kepada lima episod. Di antara kelima-lima episod itu, Episod 1 paling banyak diingat semula sama ada kumpulan pembaca mahir mahupun kumpulan

pembaca kurang mahir. Ini terbukti apabila kumpulan pembaca mahir memperoleh 92.42% melebihi kumpulan pembaca kurang mahir sebanyak 12.12%. Kumpulan pembaca kurang mahir mencatatkan peratusan sebanyak 80.30%.

Demikian juga dengan Episod 2; yang paling sedikit diingat semula oleh kedua-dua kumpulan. Kumpulan pembaca mahir mengingat semula Episod 2 sebanyak 73.64%. Sementara kumpulan pembaca kurang mahir memperoleh 64.55%. Jadi kumpulan pembaca mahir mendahului kumpulan pembaca kurang mahir sebanyak 9.09% dalam mengingat semula Episod 2.

Perbezaan jelas pada Episod 3, Episod 4 dan Episod 5. Bagi kumpulan pembaca mahir Episod 5 lebih banyak yang diingat semula berbanding dengan Episod 3 dan Episod 4. Daripada Episod 5, kumpulan pembaca mahir memperoleh 88.64%; sementara Episod 3 sebanyak 85.22% dan Episod 4 pula sebanyak 84.85%. Berlainan pula dengan kumpulan pembaca kurang mahir; Episod 4 mendahului Episod 3 dan episod 5. Kumpulan pembaca kurang mahir memperoleh 74.24% pada Episod 4 sedangkan pada Episod 5 memperoleh 73.48% dan Episod 3 pula sebanyak 70.45%.

5.2 Implikasi dan Cadangan

Dalam bahagian ini pengkaji akan merumuskan beberapa implikasi yang didapati hasil daripada kajian tentang kesan pengajaran berfokuskan tatacerita terhadap pemahaman pembaca mahir dan kurang mahir. Huraian implikasi disusuli dengan beberapa cadangan untuk perhatian pihak-pihak yang berkenaan.

Hasil kajian mendapati bahawa pengajaran berfokuskan tatacerita sesuai digunakan dalam pengajaran ke arah meningkatkan pemahaman terhadap teks yang dibaca. Keberkesanannya jelas terhadap pelbagai teks naratif khususnya teks prosa klasik yang sebelum ini difikirkan adalah mustahil. Dengan mempunyai kemahiran tentang unit-unit tatacerita memudahkan pelajar untuk memahami teks prosa klasik. Struktur bahasa yang begitu asing bukan lagi menjadi penghalang untuk memahami teks prosa klasik.. Apa yang penting ialah penggunaan tatacerita untuk membantu meningkatkan pemahaman terhadap teks prosa klasik tersebut.

Pengajaran berfokuskan tatacerita adalah antara aspek penting dalam pengajaran pemahaman teks naratif. Pemahaman tentang bagaimana cerita dibentuk membantu pembaca membuat telahan, menyimpan maklumat dengan lebih efisyen dan mengingat semula elemen-elemen cerita dengan lebih tepat dan lengkap.

Dapatkan kajian turut memperlihatkan bahawa pengajaran berfokuskan tatacerita paling berkesan digunakan terhadap cerita yang dibentuk dengan baik, misalnya dalam cerita Hikayat Malim Demam. Unit-unit tataceritanya mudah dikesan dan terbukti membantu meningkatkan pemahaman. Namun begitu, dengan latihan yang lebih banyak dan kerap; tatacerita boleh juga digunakan untuk teks naratif yang mempunyai jalan cerita yang lebih kompleks.

Penggunaan tatacerita dalam pengajaran tidak terbatas penggunaannya kepada kumpulan pelajar yang kurang mahir. Malah ia boleh dimanfaatkan juga kepada kumpulan pelajar yang mahir. Ini kerana pengetahuan tentang bagaimana

cerita dibentuk menyediakan pelajar dengan satu sistem menganalisis cerita yang mendorong mereka untuk berfikir pada tahap konseptual yang lebih tinggi.

Guru memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanankan pengajaran berfokuskan tatacerita. Pelbagai cara boleh digunakan oleh guru untuk membantu pelajar memahami konsep skema cerita. Sama ada menggunakan pemetaan cerita, peta visual, lembaran nota atau senarai soalan yang berkait dengan struktur cerita, kesemuanya boleh membantu pelajar memahami teks naratif dengan lebih berkesan.

Penggunaan tatacerita dalam pengajaran boleh merangsang minat pelajar terhadap teks prosa klasik. Rata-rata pelajar tidak meminati jalan cerita teks prosa klasik yang penuh dengan fantasi dan tidak berpijak di bumi nyata. Cerita-cerita yang terdapat dalam teks prosa klasik tidak dapat diterima oleh akal. Ini ternyata bercanggah dengan kehidupan moden mereka. Dengan menggunakan tatacerita dalam pengajaran, pelajar-pelajar bukan sekadar dibantu untuk memahami teks prosa klasik tetapi untuk menghargai dan menyanjungi nilai seni warisan bangsa yang tidak akan lekang dek panas dan tidak akan lapuk dek hujan.

Peranan pihak sekolah dalam hal ini tidak boleh diperkecilkan. Sekolah harus menyediakan koleksi-koleksi teks prosa klasik yang lengkap. Bahan-bahan ini nanti boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran atau menjadi bahan bacaan tambahan pelajar-pelajar bagi mengisi masa senggang mereka. Paling tidak dapat membantu calon-calon yang akan menduduki peperiksaan khususnya SPM membaca dan memahami cerita daripada pelbagai judul teks prosa klasik.

5.3. Cadangan Kajian Lanjutan

Dapatan yang dihasilkan daripada kajian yang telah dijalankan tidak merangkumi semua teks naratif. Pengkaji berpendapat bahawa tanpa kajian-kajian selanjutnya, keberkesanan pengajaran berfokuskan tatacerita terhadap pemahaman teks naratif sukar dikesani. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan supaya kajian-kajian selanjutnya boleh dijalankan ke atas teks naratif yang lain seperti novel, cerpen dan drama.